

<b>Headline</b>	<b>PATI: Raja Muda Perlis puji tindakan pantas masyarakat</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Sinar Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	<b>14 Apr 2019</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>NEWS</b>	<b>Circulation</b>	<b>40,000</b>
<b>Page No</b>	<b>22</b>	<b>Readership</b>	<b>120,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>321 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 3,459</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 10,377</b>



## **PATI: Raja Muda Perlis puji tindakan pantas masyarakat**

**PADANG BESAR** - Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail memuji langkah pantas yang diambil masyarakat setempat di Pantai Sungai Bahru, di sini yang melaporkan mengenai pendaratan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) sehingga berjaya diberkas pada Mac dan 8 April lalu.

Tuanku bertitah, memandangkan anggota dan aset se-dia ada sangat terhad untuk pihak berkuasa melakukan rondaan dengan kerap, maka maklumat daripada masyarakat memainkan peranan yang sangat penting.

"Tindakan penduduk ini membantu pihak pengawalkuasa dalam memastikan kedau-latan dan keselamatan negeri ini dan juga negara kita secara amnya dapat dipelihara dan dipertahankan," titahnya keti-

ka berkenan berangkat merasmikan program 'Op Sifar Cicir Sekolah Peringkat SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah, SK Titi Tinggi dan SK Lubuk Sireh' yang diadakan di Masjid An Nur, Kam-pung Chantek, Padang Besar (U), kelmarin.

Keberangkatan tiba baginda ke program anjuran Jabatan Pen-diidikan Negeri Perlis yang diseka-likan dengan 'Kayuhan MAIPs Peduli Menjejaki dan Menyantu-ni Asnaf Kali ke 25 bagi tahun 2019' itu disambut oleh Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Mohd Nazim Mohd Noor.

Tuanku Syed Faizuddin Putra turut menasihatkan rakyat supaya tidak sekadar melaporkan mengenai pembolosan PATI semata-mata, tetapi hendaklah juga menjadi mata dan telinga untuk pihak berkuasa dengan melaporkan

mengenai apa sahaja yang didapati mencurigakan.

"Ia termasuklah sarang-sarang dadah dan ketum, ajaran sesat, penyeludupan dan pemer dagangan senjata api atau barang-barang terlarang, perjudian haram, pencerobohan hutan, lokasi-lokasi lepas pelajar pon-teng sekolah dan lain-lain lagi supaya tindakan awal sewajarnya dapat diambil sebelum melarat dan tidak lagi dapat dibendung," titahnya.

Sejurus selepas majlis tersebut, baginda meluangkan masa mela-wat satu lagi lokasi pelancongan menarik di negeri ini iaitu dengan menyertai aktiviti berjalan di atas Titian Kanopi (Canopy Walk) yang terdapat di Stesen Penye-lidikan Mata Ayer, Institut Penye-lidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang juga dikenali sebagai SPF Mata Ayer Perlis yang mem-punyai ketinggian 17 meter.



Raja Muda Perlis berjalan di atas Titian Kanopi di Stesen Penyelidikan Mata Ayer, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, kelmarin.